

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD**

**KAWASAN : LIPIS**

**SOALAN :**

**YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan projek Jalan Lipis-Benta-Jerantut yang telah diluluskan oleh Kerajaan terdahulu.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Menaiktaraf Laluan 64 Jalan Benta - Jerantut - Maran Fasa 1 Segmen 7 sedang di dalam fasa pembinaan dengan kemajuan fizikal sehingga 17 Mei 2019 adalah 42% berbanding yang dijadualkan iaitu 39% (awal 30 hari). Skop projek ini merangkumi kerja-kerja menaiktaraf jalan sediada sepanjang 6.7 km kepada jalan tunggal 2 lorong (T1-1) (3.5m/lane) dengan 2.0m *paved shoulder* berdasarkan piawaian JKR R5, pengalihan utiliti, menaiktaraf 7 persimpangan, lampu isyarat, lampu jalan dan lampu isyarat pejalan kaki. Projek ini dijangka siap pada 26 Disember 2020.

Sekian, terima kasih.